

Headline	WARIS VIRUS MAUT		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	1,4	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	555 cm ²
Journalist	Ariffin	AdValue	RM 20,419
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,257



■ Budak HIV derita dihina rakan sekolah

WARIS VIRUS MAUT

> “Jika ditakdirkan saya mati awal, diharap ada pihak tampil membantu anak bongsu saya ini,” kata Salmah, 50, seorang penghidap HIV. Lebih menyedihkan, anaknya itu, Roslan, 13, (*gambar*) yang turut menghidap HIV kini hidup tertekan kerana disisih dan sering diejek rakan sekolahnya, lapor Arifin Salleh

>>4

‘ANDAI SAYA PERGI DULU...’

■ Ibu dijangkiti HIV risau masa depan anak turut hidap virus sama

ROSLAN tertekan kerana sering diejek rakan sekolah.

Oleh Arifin Salleh
am@mediaprima.com.my
Melaka

Headline	WARIS VIRUS MAUT		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	1,4	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	555 cm ²
Journalist	Ariffin	AdValue	RM 20,419
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,257

Jika ditakdirkan saya mati awal, harapan saya semoga ada pihak tampil membantu anak bongsu saya ini,” kata seorang ibu yang dijangkiti virus HIV dan penyakit sama turut dihidapi anak lakinya berusia 13 tahun.

Wanita itu yang mahu dikenali sebagai Salmah, 50-an berkata, dia dijangkiti virus maut itu daripada suaminya yang sudah meninggal dunia dan episod malang dalam hidupnya berterusan apabila anaknya, Roslan, turut ‘mewaris’ penyakit sama.

Salmah berkata, sudah 11 tahun dia mengalami pelbagai komplikasi akibat jangkitan virus penyakit itu manakala Roslan, anak bongsu daripada tiga beradik, mula dikesan mewaris penyakit ayah dan ibunya, beberapa tahun lalu.

“Kesihatan saya kini sering terganggu. Saya mengalami keguguran rambut yang kritikal selain menghidap alahan kulit, selain ada ketumbuhan di perut dan perlu menjalani pembedahan untuk membu-

angnya,” katanya.

Menurutnya, tahap kesihatannya pula kini semakin lemah apabila sudah tidak boleh melakukan kerja berat dan banyak bergantung kepada bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi menampung kehidupan bersama anak-anak.

“Tapi apa yang lebih saya bimbangkan ialah masa depan Roslan kerana dia sering demam, mengalami penyakit radang paru-paru dan sukar mengawal kencing, menyebabkan dia sering tertekan akibat diejek rakan,” katanya.

Salmah berkata, apa yang lebih menambah penderitaan dia dan anaknya ialah sikap segelintir masyarakat yang memandang negatif kepada mereka sekeluarga, namun dia reda kerana menganggap itu ujian Allah ke atas dirinya.

Dia juga bersyukur kerana empat lagi anaknya disahkan bebas daripada

jangkitan penyakit maut itu selepas beberapa kali menjalani pemeriksaan kesihatan.

Bagi Roslan pula, penyakit sukar mengawal kencing dialaminya menyebabkan dia kerap tertekan, berasa tersisih dan sukar untuk menjalani sesi persekolahan.

“Saya malu sering diejek namun tidak dapat mengelak kerana tahu saya sekarang sakit. Saya kini terpaksa bergantung kepada 10 jenis ubat setiap hari,” kata pelajar tingkatan satu itu.

Roslan berkata, disebabkan kerap terkencing di dalam seluar dia sering diejek rakan sekolah dan menjadi mangsa buli.

“Adakalanya saya tertekan kerana masalah yang ada pada diri, tapi saya berterima kasih kerana guru sudah mengasingkan saya daripada pelajar lain untuk mengelak saya diganggu

atau diejek.

“Saya juga ada keinginan untuk belajar serta bermain bersama-sama rakan sebaya tapi apakan daya tak mampu melakukan itu semua,” katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, semalam.

Menurut Roslan, dia semakin sedih apabila ada segelintir rakan turut menghinanya sebagai anak yatim selepas bapanya meninggal dunia kira-kira lima tahun lalu akibat penyakit sama.

Katanya, keadaan itu menyebabkan pelajarannya sering terganggu kerana dia tidak hadir ke sekolah.

Sementara itu, Pengarah Hospital Melaka Dr Zaaba Baba berkata, orang ramai tidak sepatutnya menyisihkan penghidap virus HIV kerana ia tidak merebak hanya dengan mendekati pesakit.

“Virus ini juga tidak berjangkit melalui ciuman atau sentuhan, pergaulan di tempat awam seperti di sekolah atau tempat kerja. Jadi kita perlu membantu dan memberi sokongan moral kepada penghidap HIV,” katanya.

FAKTA

Empat lagi anak Salmah bebas daripada jangkitan penyakit maut